



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 07 April 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Wajibkan Pemasangan Sistem Kamera Litar Tertutup Kepada Pengusaha Taska</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=28_LDS1cHOg</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=XeDJ1Y4B5k</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=-96j5U4il0k</p>	<p>Bernamea TV</p> <p>Bernamea TV</p> <p>JPN Perak</p>	Neutral
2	<p>JKM Pulau Pinang Pantau Trend Peningkatan Pengemis Di Bulan Ramadan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1086718/jkm-pulau-pinang-pantau-trend-peningkatan-pengemis-di-bulan-ramadan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/06/sandiwara-ramai-pengemis-hanya-di-bulan-ramadan/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

3	<p>JKM Serah Bantuan Aidilfitri Lebih RM237 Ribu Kepada Penerima Di Samarahan</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/06/jkm-serah-bantuan-aidilfitri-lebih-rm237-ribu-kepada-penerima-di-samarahan/</p>	TVSTV	Neutral
4	<p>Penurunan Kuasa Kebajikan Perlu Teliti Aspek Kewangan: Fatimah</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/06/penurunan-kuasa-kebajikan-perlu-teliti-aspek-kewangan-fatimah</p>	Utusan Borneo	Neutral
5	<p>Bermodalkan Wajah Sedih, Pengemis Di Johor Ini Raih Pendapatan RM10,000 Sebulan!</p> <p>https://malaysiadateline.com/bermodalkan-wajah-sedih-pengemis-di-johor-ini-raih-pendapatan-rm10000-sebulan/</p>	Malaysia Dale Line	Neutral
6	<p>Dasar Kanak-Kanak Fikrah Lindungi Kanak-Kanak</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/04/06/dasar-kanak-kanak-fikrah-lindungi-kanak-kanak/</p>	Harakah Daily	Neutral
7	<p>Kanak-Kanak Hampir Buta Angkara Main Mercun</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253297/berita/s-emas/kanak-kanak-hampir-buta-angkara-main-mercun</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/954005/empat-kanak-kanak-cedera-terkena-mercun-diubahsuai</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/kanak-kanak-cedera-mata-kanan-ketika-bermain-mercun/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/06/4-kanak-kanak-cedera-terkena-letupan-mercun-diubahsuai/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/04/07/kanak-kanak-cedera-ketika-bermain-mercun/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>FMT</p> <p>Warta Oriental</p>	Neutral

	https://malaysiapost.com.my/2023/04/06/4-kanak-kanak-cedera-akibat-main-mercun/	Malaysia Post	
8	<p>Dewan Negara: RUU Kesalahan Seksual Kanak-Kanak Diluluskan</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/06/dewan-negara-ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-diluluskan/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/06/ruu-kesalahan-seksual-terhadap-kanak-kanak-diluluskan-dewan-negara/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/dewan-negara-lulus-ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/661349</p>	<p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malaysia Kini</p>	Neutral
9	<p>Bapa Didakwa Bunuh Bayi Lelaki Berusia Enam Bulan</p> <p>https://selangorkini.my/2023/04/bapa-didakwa-bunuh-bayi-lelaki-berusia-enam-bulan/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2179374</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/jenayah/61033-bapa-didakwa-bunuh-bayi-lelaki-berusia-enam-bulan</p> <p>https://www.melakahariini.my/bapa-didakwa-bunuh-bayi-lelaki-6-bulan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/tag/bapa-berdepan-tuduhan-bunuh-bayi-kandung-6-bulan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/953799/penjawat-awam-didakwa-bunuh-bayi-kandung-6-bulan-metrotv</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/06/bapa-didakwa-bunuh-bayi-lelaki-berusia-enam-bulan/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jururawat-didakwa-bunuh-bayi-sendiri-berusia-6-bulan-414272</p>	<p>Selangor Kini</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita RTM</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/253207/berita/s emasa/bapa-didakwa-bunuh-bayi-enam-bulan</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/pembantu-perubatan-didakwa-bunuh-bayi-lelaki/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1086655/penjawat-awam-didakwa-bunuh-bayi-6-bulan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/06/bapa-didakwa-bunuh-bayi-6-bulan/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/661269</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=9S9jThKfT1c</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Harian Metro</p>	
10	<p>RM107 Juta Untuk Dua Pusat OKU, Kata Hajiji</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/210740/rm107-juta-untuk-dua-pusat-oku-kata-hajiji/</p> <p>https://newsway.com/article/rm107-juta-untuk-dua-pusat-oku-kata-hajiji-A2304_8CmDU3</p>	<p>Daily Express</p> <p>Newsway</p>	Neutral
11	<p>Polis Minta Bantu Kesan Orang Hilang</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/06/polis-minta-bantu-kesan-orang-hilang/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
12	<p>Pelajar OKU Gembira Terima Sumbangan</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/pelajar-oku-gembira-terima-sumbangan/</p> <p>https://headtopics.com/my/pelajar-oku-gembira-terima-sumbangan-37651598</p>	<p>Utusan</p> <p>Headtopics</p>	Neutral

WAJIBKAN PEMASANGAN SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP KEPADA PENGUSAHA TASKA

https://www.youtube.com/watch?v=28_LDS1cHOg

Sumber : You Tube Bernama TV



JKM PULAU PINANG PANTAU TREND PENINGKATAN PENGEMIS DI BULAN RAMADAN

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1086718/jkm-pulau-pinang-pantau-trend-peningkatan-pengemis-di-bulan-ramadan>

Sumber : Berita Harian



GEORGETOWN: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang mengakui terdapat peningkatan individu yang dipercayai melakukan kegiatan mengemis di negeri itu, termasuk ada yang sanggup datang dari Perlis dan Kedah demi meraih simpati orang ramai pada bulan Ramadan.

Pengarahnya, Zakaria Taib berkata, pihaknya sentiasa memantau perkembangan tersebut termasuk melakukan rondaan di kawasan panas atau 'hotspot' seperti di terminal bus Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), pintu masuk bank, premis perniagaan, masjid, dan bazar Ramadan.

"Hakikatnya pada bulan puasa memang ramai pengemis dan mereka pun faham masyarakat pada bulan Ramadan menjadi lebih pemurah jadi golongan ini mengambil kesempatan termasuk ada yang sanggup menjadi gelandangan.

"Mereka ini ada yang datang dari luar Pulau Pinang mungkin sebab negeri ini maju dan ramai memberi sumbangan menyebabkan mereka menjadi peminta sedekah tetapi ada juga yang datang sebelah siang, apabila malam mereka pulang ke rumah," katanya ketika ditemui dalam satu majlis berbuka puasa di sini semalam.

Zakaria berkata, operasi pada ketika ini dilakukan pada skala kecil berdasarkan aduan memandangkan terdapat kekangan ruang untuk menempatkan gelandangan berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya turut mendapati terdapat segelintir terutamanya warga asing didalangi sindiket dan melakukan kegiatan itu dengan begitu licik dan terancang sehingga sukar dikesan.

"Kami berharap dapat melakukan operasi secara besar-besaran membabitkan kerjasama pelbagai agensi selepas Pusat Transit Gelandangan (PTG) yang diusahakan kerajaan negeri beroperasi tidak lama lagi.

"Jika mereka ditempatkan di satu pusat gerak kerja akan lebih tersusun misalnya jika mereka tiada kad pengenalan Jabatan Pendaftaran Negara boleh ambil tindakan, jika mereka ada kes dadah kita boleh serah kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

"Jadi jika ada kes pengemis mencurigakan kita minta salurkan maklumat kerana kebanyakan gelandangan dan pengemis yang biasanya duduk di kaki lima premis turut menimbulkan kegusaran kepada orang ramai," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut menjalankan kempen Bijak Membantu Elak Tertipu dan mengesyorkan orang ramai menyalurkan sumbangan atau sedekah kepada pusat-pusat jagaan yang diketahui kewujudannya atau kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

"Ia bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat tapi kami sedar masing-masing mempunyai pandangan sendiri dan ada orang awam cenderung bersedekah tanpa mengira siapa tapi kita nasihat berhati-hatilah jangan beri sumbangan kepada individu sembarangan yang dikhuatiri melakukan aktiviti penipuan," katanya.

JKM SERAH BANTUAN AIDILFITRI LEBIH RM237 RIBU KEPADA PENERIMA DI SAMARAHAN

<https://tvstv.my/2023/04/06/jkm-serah-bantuan-aidilfitri-lebih-rm237-ribu-kepada-penerima-di-samarahan/>

Sumber : TVSTV



SADONG JAYA, 6 April: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak menyerahkan bantuan Hari Raya Aidilfitri kepada 2,375 penerima di Bahagian Samarahan hari ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sadong Jaya, Ir. Aidel Lariwoo berkata, jumlah agihan keseluruhan yang diserahkan sempena Majlis Sejambak Kasih Hari Raya 2023 itu mencecah RM237 500.

Kata beliau, seramai 150 orang penerima yang hadir menerima wang tunai bernilai RM100 serta hamper bernilai RM80.

“Bagi mereka yang dapat hadir, sumbangan akan dikreditkan ke akaun masing-masing,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan di Dewan Warisan Sadong Jaya, di sini.

Sementara itu, Aidel yang juga Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak turut menyerahkan sumbangan alat bantu dengar bernilai RM3,900 kepada Nur Syakira Mohammad Suhaimi, 10, yang mengalami masalah pendengaran sejak kecil.

Dalam pada itu, Aidel turut memberitahu, majlis berkenaan juga diadakan bertujuan untuk meringankan beban kewangan serta menceriaikan penerima sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri. -TVS

PENURUNAN KUASA KEBAJIKAN PERLU TELITI ASPEK KEWANGAN: FATIMAH

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/06/penurunan-kuasa-kebajikan-perlu-teliti-aspek-kewangan-fatimah>

Sumber : Utusan Borneo



KUCHING: Penurunan kuasa bidang kebajikan daripada kerajaan persekutuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak perlu diteliti daripada semua aspek, terutama kewangan.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, penurunan kuasa itu merupakan antara perkara yang telah dibincangkan di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sebelum ini.

"Sebelum ini, antara yang telah dibincang adalah dari segi kewangan yang sudah tentu melibatkan implikasi kewangan yang besar.

"Bila kita bercakap mengenai penurunan kuasa ini, kita perlu melihat dari semua aspek iaitu aspek perundangan, aspek kewangan dan aspek pentadbirannya," ujarnya ketika ditemui pemberita semasa menghadiri Majlis Simbolik Pembungkusan Sumbangsih Raya 2023 di Wisma Wanita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai status penurunan kuasa kepada Sarawak menerusi MA63 termasuk penurunan kuasa kepada JKM Sarawak.

Fatimah berkata, buat masa ini kebajikan masih di bawah Senarai Bersama antara persekutuan dan negeri.

"Ia bermakna ada antara kebajikan ini di bawah kerajaan persekutuan dan ada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang mana bagi kita ini bagus memandangkan kita lebih memahami dari konteks Sarawak itu sendiri.

"Ada yang kita lebih tahu dari segi keperluan dan keadaan dalam komuniti kita," katanya.

Apa yang penting kata Fatimah, adalah cara penyelesaiannya dengan mengetahui keadaan komuniti dan persekitarannya.

Sebelum ini, penurunan kuasa kepada JKM Sarawak daripada persekutuan merupakan antara 13 perkara dalam fasa pertama rundingan MA63 antara kerajaan negeri dan persekutuan, melibatkan perjawatan serta fungsi-fungsi jabatan yang diturunkan kepada penjawat awam negeri.

Fatimah sebelum ini dilaporkan berkata, JKM Sarawak bersedia untuk menjalani proses 'penurunan kuasa' daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri.

Katanya, jabatan tersebut telah selesai melaksanakan segala persediaan, termasuk teknikal yang diperlukan dengan perkara berbaki sebelum proses autonomi itu dijayakan adalah mengemas kini dan menyelaras akta-akta yang akan diguna pakai agar tidak mendatangkan kekeliruan pada masa akan datang.

BERMODALKAN WAJAH SEDIH, PENGEMIS DI JOHOR INI RAIH PENDAPATAN RM10,000 SEBULAN!

<https://malaysiadateline.com/bermodalkan-wajah-sedih-pengemis-di-johor-ini-raih-pendapatan-rm10000-sebulan/>

Sumber : Malaysia Date Line

Tidak perlu bekerja keras, pengemis di sekitar Johor Bahru dikatakan mampu meraih pendapatan sehingga RM300 sehari.

Jika nilai itu berjaya dikumpulkan selama sebulan, wang yang berjaya dikutip boleh mencecah sehingga RM1000.

Tidak memerlukan modal yang besar, pengemis ini hanya perlu 'menjual' tampilan yang menyedihkan di hadapan orang ramai.

Difahamkan, golongan ini menjalankan aktiviti mengemis di kawasan lampu isyarat di sekitar negeri selatan tanah air itu.

Bergiat aktif, mereka akan mula menagih simpati kepada pemandu kereta setiap kali kenderaan diberhentikan di lampu isyarat.

Berdepan dengan masalah kewangan, golongan ini dikatakan datang daripada mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Siasatan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor Bahru juga mendapati ada di antara pengemis ini mempunyai masalah ketagihan dadah dan alkohol.


Menerima aduan daripada orang ramai, JKM segera bertindak menangkap dan menyelamatkan pengemis berkenaan.

Selain kanak-kanak dan orang kelainan upaya (OKU), warganegara asing dari Rohingya dan Vietnam turut ditahan dalam operasi itu.

DASAR KANAK-KANAK FIKRAH LINDUNGI KANAK-KANAK

<https://harakahdaily.net/index.php/2023/04/06/dasar-kanak-kanak-fikrah-lindungi-kanak-kanak/>

Sumber : Harakah Daily



KUALA LUMPUR: Kanak-kanak menjadi fokus utama kerajaan Kelantan yang mempunyai Dasar Kanak-kanak Fitrah (DKF) yang memberi tumpuan kepada pembangunan dan perlindungan kanak-kanak.

Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, kanak-kanak dilihat sebagai amat penting dalam pembinaan generasi akan datang.

Katanya, kanak-kanak juga memerlukan perhatian istimewa untuk menjaga kemaslahatan dan memberi perlindungan kepada mereka.

Sehubungan itu, beliau meminta penjelasan kerajaan, sama ada Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 dapat mengekang jenayah seksual yang makin menular secara tersembunyi dalam kalangan anak muda di negara ini atau aktiviti sisi gelap melalui platform media sosial seperti Facebook dan Twitter.

“Adakah kementerian bercadang meningkatkan kolaborasi merentas kementerian dan agensi, termasuk Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam mewujudkan program advokasi pencegahan dan intervensi seperti kempen dan hebahan video?” katanya.

Beliau berkata demikian semasa perbahasan RUU Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual (Pindaan) 2023 di Dewan Negara, hari ini.

Dr Wan Martina berkata, program advokasi bertujuan untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat, terutama yang membabitkan eksploitasi terhadap kanak-kanak.

“Bagaimanakah kerajaan akan memastikan keberkesanan pindaan akta ini selaras dengan penubuhan pasukan khas di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual Wanita dan Kanak-Kanak Bukit Aman D11 untuk membanteras aktiviti pornografi dalam kalangan kanak-kanak seperti diumumkan dalam Belanjawan 2023?” katanya. – **HARAKAHDAILY 6/4/2023**

KANAK-KANAK HAMPIR BUTA ANGKARA MAIN MERCUN

<https://www.sinarharian.com.my/article/253297/berita/semasa/kanak-kanak-hampir-buta-angkara-main-mercun>

Sumber : Sinar Harian



KUALA NERUS - Empat kanak-kanak mengalami kecederaan angkara letupan mercun yang diubah suai dalam kejadian berhampiran sebuah rumah di sini, Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Md Din berkata, pihak polis menerima laporan berhubung kejadian jam 10.58 malam pada hari yang sama.

Katanya, pengadu berusia 25 tahun telah membuat laporan polis mengatakan adik lelakinya telah cedera semasa bermain mercun bersama tiga lagi rakan.

"Siasatan mendapati kejadian berlaku kira-kira jam 8.30 malam apabila kanak-kanak berusia lingkungan 8 hingga 13 tahun itu sedang bermain mercun berhampiran kawasan rumah mereka.

"Salah seorang daripada mereka telah menyalakan mercun yang telah diubah suai menyebabkan berlaku letupan yang kuat," katanya.

Beliau berkata, letupan itu menyebabkan empat kanak-kanak tersebut cedera dan telah menerima rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

"Tiga daripada kanak-kanak itu mendapat rawatan pesakit luar sementara seorang daripada mereka masih lagi menerima rawatan lanjut akibat kecederaan pada mata sebelah kanan," katanya dalam kenyataan di sini, pada Khamis.

Menurut Abdul Rahim, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya.

Selain itu, pihaknya turut menyiasat kes tersebut di bawah Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu kesalahan mengabaikan kanak-kanak yang membawa hukuman denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya.

"Orang ramai terutama ibu bapa diminta sentiasa memantau dan mengawasi aktiviti anak-anak di bawah umur semasa mereka bermain bunga api atau mercun terutama pada musim perayaan ini.

"Pengabaian kepada kanak-kanak juga merupakan satu kesalahan yang membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap ibu bapa sekiranya berlaku kejadian seumpama itu," ujarnya.

DEWAN NEGARA: RUU KESALAHAN SEKSUAL KANAK-KANAK DILULUSKAN

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/06/dewan-negara-ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-diluluskan/>

Sumber : Kosmo



KUALA LUMPUR – Dewan Negara hari ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2023 yang bertujuan memberikan perlindungan lebih menyeluruh kepada kanak-kanak.

RUU itu antara lain menggantikan terminologi ‘pornografi kanak-kanak’ kepada ‘bahan penganiayaan kanak-kanak’ dalam Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

Keputusan itu diumumkan Timbalan Speaker Dewan Negara, Senator Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad selepas proses pengundian RUU, hari ini.

Ia diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas dibentang Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

Azalina berkata, RUU itu dilakukan dengan mengambil kira kes jenayah, seiring kemajuan teknologi yang memerlukan pindaan kepada interpretasi jenayah tersebut.

“Mungkin ada yang anggap hukuman (dalam pindaan) ini tidak banyak tetapi apabila pendakwa raya menuduh mana-mana pihak, ia akan berantai.

“Bukannya satu seksyen tidak boleh pergi ke seksyen lain. Jika campur boleh jadi 100 tahun hukuman penjara.

“Jadi, jangan khuatir kata hukumannya rendah,” katanya ketika menggulung perbahasan RUU tersebut di Dewan Negara, di sini hari ini.

Selain itu, Azalina menjelaskan Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) bersama syarikat telekomunikasi juga perlu memainkan peranan dalam membanteras jenayah seksual kanak-kanak.

“Kalau di negara barat, mereka ada tanggungjawab untuk pantau atau buang kandungan pornografi. Tetapi kalau syarikat hendak buat duit daripada kandungan itu, sudah tentu mereka tidak akan turunkan kandungan.

“Jadi, kita berharap selepas ini, KKD dapat memainkan peranan dengan akta yang ada supaya dapat pantau kandungan-kandungan berkenaan,” ujarnya.

Dalam pada itu, tambah Azalina, Fasal 15 yang memasukkan seksyen 26A dan 26B ke dalam Akta 792 adalah bagi memberi mahkamah kuasa membuat perintah berhubung pampasan kepada mangsa (kanak-kanak). – KOSMO! ONLINE.

BAPA DIDAKWA BUNUH BAYI LELAKI BERUSIA ENAM BULAN

<https://selangorkini.my/2023/04/bapa-didakwa-bunuh-bayi-lelaki-berusia-enam-bulan/>

Sumber : Selangor Kini



IPOH, 6 APRIL: Seorang jururawat lelaki didakwa di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan membunuh bayi kandungnya yang berusia enam bulan, Mac lepas.

Zahrul Ashrik Zulkaflee, 30, mengangguk faham ketika pertuduhan dibacakan dan tiada pengakuan direkodkan di hadapan Majistret Jesseca Daimis kerana kes bunuh di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut kertas pertuduhan, penjawat awam itu didakwa membunuh Muhammad Zakir Asyraf yang berusia enam bulan di sebuah rumah di Kampung Kepayang, Fairpark di sini kira-kira 10 malam, 17 Mac lepas.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nor Syahirah Azahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Jesseca kemudian menetapkan 12 Jun depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi serahan laporan kimia. – BERNAMA

RM107 JUTA UNTUK DUA PUSAT OKU, KATA HAJIJI

<https://www.dailyexpress.com.my/news/210740/rm107-juta-untuk-dua-pusat-oku-kata-hajiji/>

Sumber : Daily Express



KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM107.43 juta untuk meneruskan pembinaan dua kompleks orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor berkata ia melibatkan pembinaan kompleks bersepadu untuk OKU dan warga emas serta kompleks latihan OKU di Sandakan.

Katanya, peruntukan itu akan disalurkan melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am.

Hajiji berkata, untuk terus memberi bantuan kepada golongan rentan khususnya OKU, warga emas, anak yatim dan ibu tunggal serta bantuan am di seluruh Negeri, Kerajaan bersetuju menambah peruntukan kepada RM76.29 juta bagi tahun ini.

Kira-kira 24,781 orang akan mendapat manfaat daripada peruntukan itu, katanya, ketika menutup program ‘Sentuhan Kasih Untaian Budi’ di Taman Didikan Kanak-Kanak Kurang Upaya Sembulan, Kota Kinabalu, pada 25 Mac. Ucapan Hajiji disampaikan oleh Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Datuk James Ratib.

Sehubungan itu, Hajiji berkata Kerajaan Negeri menyokong penuh program kemasyarakatan yang memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan bantuan.

Beliau berkata, usaha pelajar Pendidikan Lanjutan Kampus Universiti Utara Malaysia di Kota Kinabalu, bekerjasama dengan pelbagai pihak lain untuk mengadakan program itu amat dihargai.

“Sememangnya, terus membantu masyarakat terutama yang memerlukan bantuan. Dengan itu, saya amat gembira dengan pelaksanaan program ini yang membabitkan universiti dari luar Sabah.

“Ini sejajar dengan komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan Negeri untuk membantu pelbagai pihak, bukan sahaja pelajar tetapi juga golongan kurang berkemampuan.

“Usaha sebegini amat baik dan saya berharap lebih ramai pihak lain akan turut serta terutama pelajar universiti untuk melaksanakan program kemasyarakatan yang memerlukan bantuan,” katanya.

Hajiji berharap penganjuran program sebegini dapat menyuntik semangat pelajar untuk terus mengadakan program bermanfaat pada masa hadapan.


“Program seperti ini bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat malah ia dapat memupuk dan membentuk sahsiah pelajar.

“Penerapan nilai seperti pengurusan, pentadbiran dan penganjuran dalam program ini akan memperkasakan lagi kebolehan pelajar dalam menghadapi situasi di alam pekerjaan sebenar,” katanya.

POLIS MINTA BANTU KESAN ORANG HILANG

<https://malaysiagazette.com/2023/04/06/polis-minta-bantu-kesan-orang-hilang/>

Sumber : Malaysia Gazette



JASIN – Polis meminta bantuan orang ramai untuk mengesan seorang warga emas lelaki yang dilaporkan hilang selepas keluar dari rumahnya di Taman Midah, Cheras Kuala Lumpur sejak 21 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintendan Ahmad Jamil Radzi berkata, Ali Mohd Noh, 84, lelaki tersebut dilihat berada di sekitar Jeti Anjung Batu, Umbai, di sini, pada 2 April lalu oleh saksi awam yang kemudian memaklumkan kepada anaknya.

Menurutnya, kali terakhir warga emas itu dilihat adalah membawa tongkat kuning dan beg gelas berwarna kelabu serta beg silang hitam dengan memakai kain pelikat.

“Penglihatannya kurang jelas, selain mempunyai masalah ingatan dan dalam keadaan lemah,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Mereka yang mempunyai maklumat boleh berhubung terus dengan Sarjan Abdul Jalil Puteh di talian 016-425 5996 atau Balai Polis Merlimau, 06-263 1222 atau mana-mana balai polis berhampiran. – MalaysiaGazette

PELAJAR OKU GEMBIRA TERIMA SUMBANGAN

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/pelajar-oku-gembira-terima-sumbangan/>

Sumber : Utusan



HULU TERENGGANU: Kepiluan seorang pelajar orang kurang upaya (OKU) menyambut Syawal tanpa kedua ibu bapa sejak 10 tahun lalu terubat apabila menerima sumbangan pakaian dan duit raya daripada Yang Dipertuan Muda Terengganu.

Syarifah Damiea Adrianna Syeikh Amir Ridhuan, 14, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Berang di sini, merupakan antara 300 penerima sempena pengurniaan sumbangan Aidilfitri 2023 Daerah Hulu Terengganu dan Marang di sini.

Pada majlis berkenaan, Yang Dipertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail Sultan Mizan Zainal Abidin bersama kekanda dan adinda, Tengku Nadhirah Zahrah, Tengku Muhammad Mua'az serta Tengku Fatimatuz Zahra' berkenan mengurniakan sumbangan tersebut.

Menurut Syarifah Damiea Adrianna, dia kehilangan ibu ketika berusia empat tahun manakala bapanya, Syeikh Amir Ridhuan Abdul Ghafar, 50-an, tidak lagi datang menemuinya yang tinggal di Kampung Butut, Kuala Berang.

“Saya dijaga oleh nenek serta ibu saudara, Nor Asiah Abd. Wahad, 58, yang bekerja sebagai tukang jahit setelah ibu meninggal dunia. Mereka tempat saya tumpang kasih sayang, rai hari raya bersama-sama.

“Saya sendiri tidak pasti di mana ayah berada sekarang kerana setelah ibu tiada, kami belum pernah lagi berjumpa. Cuma saya tahu sebelum ini ayah bekerja di Vietnam,” katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Tambah anak tunggal yang alami kecacatan di bahagian kaki sejak lahir itu, hanya rasa syukur serta terima kasih dapat diucapkan kepada semua atas sumbangan diterima itu dan ia cukup membuatkan dirinya gembira.

Lebih bermakna baginya ialah kenangan dapat berjumpa serta melihat lebih dekat anakanda-anakanda Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah. – [UTUSAN](#)